



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERANAN MODUL ISRA, FUNGSI SOSIAL DAN PRINSIP  
PEMBANGUNAN KOMUNITI DALAM KEPULIHAN BEKAS KLIEN DI  
KEDAH, MALAYSIA***

**MOHAMMAD ADAM DANIAL BIN HAFIZ GOH**

**FEM 2021 7**



**PERANAN MODUL ISRA, FUNGSI SOSIAL DAN PRINSIP PEMBANGUNAN  
KOMUNITI DALAM KEPULIHAN BEKAS KLIEN DI KEDAH, MALAYSIA**

Oleh

**MOHAMMAD ADAM DANIAL BIN HAFIZ GOH**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Master Sains**

**Mei 2021**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, ialah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

## PERANAN MODUL ISRA, FUNGSI SOSIAL DAN PRINSIP PEMBANGUNAN KOMUNITI DALAM KEPULIHAN BEKAS KLIEN DI KEDAH, MALAYSIA

Oleh

**MOHAMMAD ADAM DANIAL BIN HAFIZ GOH**

Mei 2021

**Pengerusi : Mohd Roslan Rosnon, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Agensi Antidadah Kebangsaan telah melancarkan Modul ISRA sebagai instrumen holistik bagi rawatan dan pemulihan bekas penagih dadah melalui kaedah mengubati masalah ketidakstabilan jiwa secara amalan kerohanian. Kefungsian sosial dilihat penting terhadap kepulihan bekas klien ISRA dalam komuniti. Selain itu, prinsip pembangunan komuniti turut berperanan terhadap kepulihan bekas klien ISRA dalam komuniti. Menggunakan Teori Struktural-Fungsionalisme, komuniti bergerak sebagai satu sistem sosial dengan beberapa subsistem yang saling berfungsi dan melengkapinya antara satu sama lain. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti pandangan bekas klien dalam komuniti terhadap keberkesanan Modul ISRA; mengenal pasti kefungsi sosial terhadap kepulihan bekas klien dalam komuniti; dan menerangkan peranan prinsip pembangunan komuniti terhadap kepulihan klien dalam komuniti. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif menggunakan pendekatan *exploratory*. Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan iaitu 16 orang informan telah terlibat terdiri daripada bekas klien ISRA yang *compliant* dan boleh terlibat diri dalam temu bual. Pengumpulan data dilakukan secara temu bual mendalam menggunakan pendekatan *naturalistic inquiry* atau *constructionism* di samping Teknik Kumpulan Nominal (NGT) turut digunakan bagi memperoleh data primer. Analisis tematik secara manual dilakukan terhadap data kajian bagi membentuk tema dalam menilai kesemua objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan, bekas klien ISRA berpandangan, Modul ISRA dari segi kandungan, struktur, kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah sangat baik dalam membantu kepulihan mereka. Dari segi kefungsi sosial, empat (4) institusi penting menyokong kepulihan bekas klien dalam komuniti iaitu: (i) keluarga; (ii) komuniti; (iii) agama; dan (iv) kerajaan. Kesemua institusi ini berperanan dalam memberi bantuan dan dorongan supaya bekas klien kekal pulih. Dari segi prinsip pembangunan komuniti, tiga (3) prinsip penting berperanan terhadap kepulihan bekas klien dalam komuniti iaitu: (i) pembentukan jaya diri (*self-help*); (ii) penglibatan; dan (iii) bantuan dan galakan kerajaan. Kajian ini merumuskan, bekas klien memberikan pandangan positif terhadap keberkesanan Modul ISRA. Kefungsian

sosial dan prinsip pembangunan komuniti juga memainkan peranan terhadap kepulihan bekas klien ISRA dalam komuniti. Implikasi kajian ini mencadangkan, sebarang dasar atau pembinaan modul pemulihan perlu berfokus kepada keterlibatan persekitaran sosial klien bagi menyokong kepulihan klien secara berterusan setelah mereka keluar pusat.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE ROLES OF ISRA MODULE, SOCIAL FUNCTION AND COMMUNITY  
DEVELOPMENT PRINCIPLES IN THE RECOVERY OF FORMER CLIENTS IN  
KEDAH, MALAYSIA**

By

**MOHAMMAD ADAM DANIAL BIN HAFIZ GOH**

**May 2021**

**Chair : Mohd Roslan Rosnon, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

The National Anti-Drugs Agency has launched the ISRA Module as a holistic method for cure and rehabilitation for former drug addicts by providing help to stabilise the emotion via spiritual practices. Social functionality has been observed as a vital aspect to support the recovery of them in the community. In addition, the principles of community development also play a role in the recovery of ISRA former clients in the community. By using the Structural-Functional Theory, a community is a social system that consists of several subsystems that have functional relationships and complement each other. Therefore, this study aimed to examine the views of former clients in the community on the effectiveness of ISRA Module; to identify social functionality towards the recovery of former clients in the community and to explain the role of community development principles on client recovery in the community. This study was conducted qualitatively using an exploratory approach. This study used purposive sampling where 16 informants were involved consisting of former ISRA clients who are compliant and able to participate in the interview session. Data collection was done through in-depth interviews using naturalistic inquiry or constructionism approach, and Nominal Group Technique (NGT) also being used as primary data collection. Manual thematic analysis was performed on the data to attain a theme in evaluating all the objectives of the study. As a result, ISRA former clients opined that ISRA Module in terms of content, structure, teaching and learning methods was efficacious in helping their recovery. In terms of social functioning, four (4) important institutions support the recovery of former clients, namely: (i) family; (ii) community; (iii) religion; and (iv) government. Each of these institutions has played an important role in providing assistance and encouragement so that former clients remain recovered. In terms of community development principles, three (3) important principles are essential in the recovery of former clients in the community, namely: (i) the formation of self-help; (ii) involvement; and (iii) government assistance and encouragement. This study concludes that former clients gave a positive view on the effectiveness of ISRA

Module. Social functioning and community development principles also play a role in the recovery of ISRA's former clients in the community. The implications of this study suggest any policy or construction of rehabilitation modules should focus on the involvement of the client's social environment to support the client's ongoing recovery upon leaving the centre.



## PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Pertama-tamanya, saya panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga atas daya upaya, kudrat dan iltizam yang dianugerahkan Allah SWT kepada diri ini, supaya saya dapat melunaskan kajian ini dengan jayanya. Hakikatnya, kajian ini amat peribadi buat saya. Terkait dengan pengalaman sekeliling, menginsafi saya untuk menaruhkan kesungguhan bagi menyelami kehidupan dan *survival* batang tubuh seseorang yang bergelar bekas penagih dadah.

Semestinya penghargaan utama dititipkan kepada Dr. Mohd Roslan Rosnon atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan semangat tanpa jemu beliau dalam membantu saya menyiapkan kajian ini. Tidak terhingga banyaknya pengorbanan beliau selama ini dan tidak terbalas jugalah saya atas segala ilmu dan pengetahuan yang beliau curahkan sepanjang perjalanan saya menoktahkan penulisan kajian ini. Buat Profesor Dr. Asnarulkhadi Abu Samah, penghargaan dan ucapan terima kasih saya titipkan atas nasihat-nasihat, panduan dan buah fikir beliau dalam memastikan tesis ini memberi nilai tambah kepada cabang ilmu Pembangunan Komuniti.

Saya dedikasikan juga penghargaan ini kepada pihak pengurusan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) atas kerjasama dan bantuan yang diberikan kepada saya untuk menjalankan kajian ke atas bekas klien Program Rawatan ISRA dalam Komuniti di Kedah, Malaysia. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang pelaksanaan kajian ini di lapangan.

Pastinya, Masnah Supar iaitu ibu tercinta, insan paling gembira apabila saya berjaya menyiapkan kajian ini. Terima kasih ibu atas segalanya. Ibu sentiasa ada di samping Adam sepanjang susah senang, tangis tawa dan jatuh bangun dalam mengabadikan naskah tesis ini. Begitu juga buat adik Aniq, Kila, Zahim, Nurain, Mira, Qayyum & keluarga; Azize Taib & Azreen Awang; Nadia Nafasha, Saiful Izwar, sahabat handai dan teman sekerja atas segala dorongan. Buat arwah abah, Hafiz Goh Abdullah, semoga kejayaan anakmu ini juga menjadi asbab yang baik buat abah. Terima kasih semuanya.



Akhir sekali, saya amat berharap agar kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu usaha semua pihak dan membuka mata komuniti untuk sama-sama memastikan kepulihan bekas penagih dadah. Walaupun karya ini amat kecil jika dibandingkan dengan keringat para sarjana dan ilmuan lain, namun, saya berharap usaha kecil ini tetap ada nilai sumbangannya kepada masyarakat dan negara. Semoga kajian ini turut mengimarahkan lagi perkembangan ilmu pengetahuan khususnya bidang Pembangunan Komuniti.

Sekian, terima kasih.

**Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh**

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Roslan Rosnon, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Asnarulkhadi Abu Samah, PhD**

Profesor  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor and Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Ogos 2021

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB</b>	
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
1.1	Pengenalan 1
1.2	Pernyataan Masalah 3
1.3	Objektif Kajian 6
1.4	Kepentingan Kajian 6
1.5	Definisi Konsep 8
1.6	Kerangka Konseptual 9
1.7	Limitasi dan Skop Kajian 10
1.8	Rumusan 11
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>
2.1	Pengenalan 12
2.2	Dasar Dadah Negara 12
2.2.1	Akta Berkenaan Dadah 13
2.2.2	Isu dan Cabaran Pemulihan 13
2.3	Rawatan dan Pemulihan Dadah di Malaysia 14
2.3.1	Modul ISRA 15
2.3.2	Rawatan dan Pemulihan Psikospiritual Agama Lain 18
2.3.3	Pendekatan Psikospiritual dan Kepulihan 20
2.4	Kefungsian Sosial dalam Pemulihan 20
2.4.1	Institusi Keluarga 21
2.4.2	Institusi Komuniti dan Persekitaran 22
2.4.3	Agama 24
2.4.4	Institusi Kerajaan 25
2.5	Prinsip Pembangunan Komuniti 25
2.6	Teori Struktural Fungsionalisme 27
2.7	Rumusan 29

<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
	3.1 Pengenalan	30
	3.2 Reka Bentuk Penyelidikan	30
	3.3 Lokasi Kajian	31
	3.4 Pensampelan	32
	3.4.1 Saiz Sampel	32
	3.4.2 Kaedah Pensampelan	32
	3.5 Teknik Pengumpulan Data	33
	3.5.1 Temu Bual Mendalam	33
	3.5.2 Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	34
	3.5.3 Pengkaji Sebagai Instrumen	34
	3.6 Analisis Data	35
	3.7 Rumusan	36
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	4.1 Pengenalan	37
	4.2 Latar Belakang Informan	37
	4.3 Pandangan Terhadap Modul Kepulihan	39
	4.3.1 Modul Psikososial	39
	4.3.2 Modul Psikospiritual (Modul ISRA)	40
	4.3.3 Teknik Kumpulan Nominal (NGT) Terhadap Modul Kepulihan	44
	4.4 Kefungsian Sosial Dalam Menyokong Kepulihan	46
	4.4.1 Institusi Keluarga	46
	4.4.2 Institusi Komuniti	48
	4.4.3 Institusi Agama	50
	4.4.4 Institusi Kerajaan	51
	4.5 Prinsip Pembangunan Komuniti Dalam Menyokong Kepulihan	52
	4.5.1 Prinsip Pembentukan Jaya Diri ( <i>Self-Help</i> )	53
	4.5.2 Penyertaan	54
	4.5.3 Prinsip Bantuan dan Galakan Kerajaan	56
	4.6 Wacana Teori Struktural-Fungsionalisme dan Kefungsian Sosial Dalam Membantu Kepulihan Bekas Klien	58
	4.7 Rumusan	59
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
	5.1 Pengenalan	61
	5.2 Ringkasan Kajian	61
	5.3 Implikasi	63
	5.4 Cadangan	65
	5.5 Kesimpulan	66

<b>RUJUKAN</b>	69
<b>LAMPIRAN</b>	80
<b>BIODATA PELAJAR</b>	87
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	88



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Statistik Penagihan dan Relaps bagi Tahun 2013-2018	4
3.1	Daerah Bekas Klien ISRA	31
3.2	Komposisi Informan Kajian	32
4.1	Maklumat Latar Belakang Bekas Klien	37
4.2	Dapatan Kajian NGT Modul Kepulihan	44
4.3	Dapatan Kajian NGT Modul ISRA	45

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Kerangka Konseptual	10
3.1	Peta Kawasan Daerah Kajian	31
5.1	Peranan Kefungsian Sosial Terhadap Kepulihan Bekas Klien ISRA Dalam Komuniti	67
5.2	Peranan Prinsip Pembangunan Komuniti Terhadap Kepulihan Bekas Klien ISRA Dalam Komuniti	68

## SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
CCH	Caring Community House
CCRC	Pusat Pemulihan Jagaan dan Rawatan
CCSC	Cure & Care Service Centre
CCVC	Cure & Care Vocasional Centre
CSR	Corporate Social Responsibility
DDN	Dasar Dadah Negara
KPI	Key Performance Index
NGT	Teknik Kumpulan Nominal
NPS	New Psychoactive Substances
n	Bilangan Sampel
OKP	Orang Kena Pengawasan
RM	Ringgit Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
THV	True House Victory
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Sehingga kini, tiada kajian empirikal dilaksanakan bagi menelusuri faktor-faktor kelangsungan kepulihan bekas penagih dadah yang telah keluar daripada pusat (bekas klien) yang mampu untuk kembali menjalani semula kehidupan sehari-hari mereka bersama komuniti. Sehubungan dengan itu, tesis ini memberi fokus perbincangan berkenaan peranan Modul ISRA, kefungisian sosial dan prinsip pembangunan komuniti terhadap kepulihan bekas klien dalam komuniti di Kedah, Malaysia. Tiga (3) perkara penting yang dibahas dalam tesis ini ialah: (i) apakah pandangan bekas klien dalam komuniti terhadap keberkesanan Modul ISRA dalam program rawatan dan pemulihan?; (ii) sejauh manakah peranan kefungisian sosial terhadap kepulihan bekas klien ISRA dalam komuniti?; dan (iii) apakah peranan prinsip pembangunan komuniti terhadap kepulihan bekas klien ISRA dalam komuniti. Tesis ini menggunakan teori Struktural-Fungsionalisme untuk membincangkan objektif-objektif kajian dengan melihat komuniti sebagai satu sistem yang mempunyai interaksi antara bahagian bagi membentuk kestabilan (Pott, Vella, Dale & Sipe, 2016). Interaksi antara bahagian bagi kajian ini merujuk kepada peranan Modul ISRA, kefungisian sosial dan prinsip pembangunan komuniti terhadap kepulihan bekas klien dalam komuniti.

Umumnya, banyak sebab yang mendasari seseorang bekas penagih itu sama ada kembali menagih semula (relaps) atau mampu untuk kekal pulih setelah keluar pusat rawatan. Antaranya ialah faktor diri sendiri (Fauziah, 2008; Wan Salmi, 2012; Rozmi, Nor Azri, Fauziah, & Salina, 2017), keluarga (Fauziah, Bahaman, Mansor & Mohamad Shatar, 2009; Fauziah, Ezarina, Salina, Norulhuda, & Nor Jana, 2013; Suppiah, Sandra, Fatimah, & Harikrishnan, 2014; Rozmi, et. Al, 2017; Abdul Munir, Abd Rahman & Mohd Noor, 2018; Ezarina, Fauziah, & Nazirah, 2020); persekitaran (Fauziah, 2008; Fauziah, Ezarina, Nor Jana, Salina & Mohd Norahim, 2017; Rozmi, et. Al, 2017; Mohd Alif, Siti Hajar, Jal Abadi, Khaitiyah, Noralina & Zaiton, 2018; Amran, Fuziah, & Saralah, 2020) agama (Fadzli & Sabir, 2011; Sabir & Fadzli, 2014; Mohammad Johdi, 2012; Abdul Munir, Abd Rahman, & Mohd Noor, 2018), kerajaan (Fauziah, et. Al, 2017; Mohd Alif, et. Al 2018; Nazira, Mohammad Rahim, Wan Shahrazad, & Rozainee, 2019; Mohd Hefzan & Muhammad Nubli, 2019) dan majikan (Mohammad Johdi, 2012; Fauziah, et. Al, 2017; Adibah & Rozmi, 2018).

Di Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menerajui usaha melaksanakan program rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah. Melalui institusi di bawah AADK seperti Pusat Pemulihan Jagaan dan

Rawatan (CCRC), beberapa modul pemulihan dirangka dan dilaksana antaranya termasuklah modul psikososial, modul terapeutik komuniti, latihan kemahiran dan modul psikospiritual. Selain itu, program pemulihan dalam komuniti juga penting dalam mencegah penagihan relaps antaranya seperti aktiviti kaunseling serta penempatan dalam pekerjaan dan latihan kemahiran. Wujud juga teknik *bio feedback* sebagai alternatif pemulihan bekas penagih yang dibangunkan sebagai terapi untuk mengawal tingkah laku serta fungsi badan manusia melalui proses psikologi dan fisiologi (Simona, 2010).

Dalam membincangkan modul psikospiritual, Menurut Mahmood Nazar (2006), pendekatan kerohanian iaitu pembangunan spiritual atau penglibatan agama dan tradisional merupakan kaedah rawatan yang semakin popular. Mohd Hefzan & Muhammad Nubli (2019) turut menjelaskan, individu yang mempunyai pegangan agama yang kuat, ternyata kurang terlibat dengan dadah dan seandainya golongan ini terlibat dengan penyalahgunaan dadah sekalipun, maka pemulihan berbentuk spiritual adalah sesuai (Galanter, Dermatis, Bunt, Williams, Trujillo & Steinke, 2006; Mohd Hefzan & Muhammad Nubli, 2019). AADK sedar dan tiba masanya untuk melihat aspek kerohanian/spiritual sebagai instrumen rawatan dan pemulihan. Lantaran itu, AADK telah bertindak membangunkan modul komprehensif berasaskan pendekatan psikospiritual sebagai langkah baharu dalam program rawatan dan pemulihan di institusi-institusi pemulihan dadah kendaliannya di Malaysia. Modul *Islamic Spiritual Rehabilitation Approach* (ISRA) atau Pendekatan Pemulihan Kerohanian Islam merupakan modul yang holistik yang menggabungkan adaptasi modul Inabah dan modul sokongan psikososial (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017). Dengan kata lain, Modul ISRA ini selain mengekalkan program rutin berbentuk psikososial, ia turut dilengkapi dengan program psikospiritual sebagai landasan utama pemulihan. Hal inilah menjadi sandaran kepada tesis ini untuk memilih Modul ISRA untuk dinilai akan pandangan bekas klien berhubung keberkesannya terhadap kepulihan mereka.

Usaha merawat dan memulihkan penagih dadah bukanlah perkara mudah kerana ia perlu berdepan dengan pelbagai cabaran. Faktor-faktor ini kebanyakannya bersifat luaran dan melibatkan kefungsi sosial. Kefungsi sosial merujuk kepada institusi sosial yang berperanan dan memainkan fungsinya. Oleh itu, soal kefungsi sosial mampu mempengaruhi seseorang bekas penagih itu sama ada cenderung untuk relaps atau kembali pulih telah diberi penekanan dalam tesis ini. Kefungsi sosial yang membawa kepada kepulihan penting untuk dikenal pasti supaya dapat membantu bekas klien untuk kekal pulih dan mengelakkan daripada berlakunya relaps. Sekiranya tidak diambil berat mengenai perkara ini, isu berkenaan relaps akan susah dibendung dan boleh menjejaskan imej negara, malahan akan menyebabkan kerugian daya pengeluaran yang berterusan dari sumber tenaga manusia.

Semua pihak perlu bekerjasama dalam menyokong dan membantu bekas klien dalam komuniti. Memandangkan bekas klien berada di luar iaitu dalam komuniti, justeru, prinsip pembangunan komuniti dilihat penting dalam menyumbang kepada pemulihan bekas klien. Prinsip pembangunan komuniti boleh dilihat

menerusi definisi pembangunan komuniti itu sendiri yang meliputi matlamat yang ingin dicapai, fokus, cara bertindak, kelompok sasaran dan tujuan (Asnarulkhadi, 2003; Asnarulkhadi & Mohd Roslan, 2018). Antara prinsip penting dalam proses pembangunan komuniti yang sering diketengahkan sejak tahun 1960an sehingga sekarang ialah pembentukan jaya diri, penyertaan komuniti, berdikari, bantuan serta galakan kerajaan (Asnarulkhadi & Mohd Roslan, 2018). Oleh hal yang demikian, prinsip pembangunan komuniti dinilai dalam kajian ini bagi memastikan peranan komuniti dimainkan sama, dalam memulihkan bekas klien. Kedua-dua pihak, komuniti dan bekas klien perlu saling melengkapi antara satu sama lain supaya proses pemulihan itu berpanjangan dan berjaya.

Menggunakan Teori Struktural-Fungsionalisme, komuniti bergerak sebagai satu sistem sosial dengan beberapa subsistem yang saling berfungsi dan melengkapi antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, berasaskan pertimbangan inilah, kajian ini dijalankan selari dengan Teori Struktural-Fungsionalisme iaitu aspek keberkesanan modul itu sendiri (Modul ISRA), kefungsi sosial dan prinsip pembangunan komuniti yang menyokong kepulih bekas klien itu saling melengkapi antara satu sama lain dan mempunyai hubungan fungsional.

Oleh hal yang demikian, kajian ini memberi satu perspektif baharu dengan melihat cara-cara kepulih itu berlaku berdasarkan kepada perspektif sosiologi yang melihat hubungan antara manusia dan persekitaran. Logiknya, apabila lebih ramai klien diberikan khidmat rawatan dan pemulihan maka semakin kurangnya bilangan yang kembali menagih, tetapi hakikat yang berlaku adalah sebaliknya. Walaupun klien telah menjalani program rawatan pemulihan, namun kebanyakannya didapati masih gagal untuk mengekalkan gaya hidup bebas dadah setelah keluar dari pusat pemulihan. Oleh itu, kajian ini cuba merungkai dan memahami pandangan bekas klien terhadap keberkesanan Modul ISRA serta peranan kefungsi sosial dan prinsip pembangunan komuniti dalam membantu bekas klien kekal pulih dalam komuniti.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Substance Abuse Mental Health & Service Administration (2017), kepulih merupakan proses perubahan kepada penagih mencapai *abstinence* dan mengecapi tahap kesihatan, kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih baik. Manakala National Institute on Drug Abuse (2017) berpendapat, ketagihan dadah adalah serupa dengan penyakit kronik yang lain iaitu kadar pengulangannya adalah serupa dengan penyakit *Diabetes Type 2*, *hipertension* dan *asthma*. Namun National Institute on Drug Abuse percaya penagih boleh bebas hidup tanpa dadah. Jadual 1.1 menunjukkan laporan yang dikeluarkan oleh AADK bagi lima tahun belakangan ini (2013-2018). Berdasarkan jadual tersebut, secara puratanya didapati bilangan Orang Kena Pengawasan (OKP) yang kembali menagih dadah masih tinggi dan tidak menunjukkan sebarang perubahan dalam tempoh lima tahun kebelakangan. Dapatan jumlah penagihan berulang yang tinggi mengikut tahun, bulan dan hari, sudah jelas memberi gambaran bahawa negara kita masih tidak berjaya mencapai sasaran menjadi

sebuah negara yang bebas daripada najis dadah pada tahun 2015 (Adam, Wan Ahmad & Abd. Fatah, 2012). Sasaran “Malaysia Bebas Dadah 2015” bermaksud negara ini perlu mencapai sasaran kadar penyalahgunaan dadah yang kurang dari 1 peratus penduduk negara serta kadar penagihan dadah yang kurang dari 0.1 peratus penduduk negara yang berumur 15 hingga 64 tahun.

**Jadual 1.1: Statistik Penagihan dan Relaps bagi Tahun 2013-2018**

Tahun	Status Kes			Status kes berulang	
	Baharu	Berulang	Jumlah	Sebulan	Sehari
2013	13,481	7,406	20,887	617	21
2014	13,605	8,172	21,777	681	23
2015	20,289	6,379	15,101	400	13
2016	22,923	7,921	30,844	660	22
2017	18,440	7,482	25,922	623	21
2018	17,474	7,793	25,267	649	22

Persoalan awal yang lazim timbul, mengapakah statistik ini meningkat? Namun demikian, soalan ini bukanlah isu pokok yang akan dijawab dalam kajian ini. Persoalan utama yang akan dijawab dalam kajian ini adalah tentang cara-cara kita boleh mempelajari daripada bekas klien yang pulih dalam komuniti dan soal kemampuan mereka untuk kekal pulih. Ketiadaan kajian terhadap penagih yang berjaya keluar daripada penagihan meletakkan isu penagih dadah sebagai model defisit. Menurut AADK, pada tahun 2017, pencapaian peratusan OKP yang berjaya mengekalkan kepulihan dalam tempoh dua (2) tahun adalah sebanyak 55 peratus berbanding KPI yang ditetapkan iaitu 30 peratus (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017). Namun begitu tidak terdapat banyak kajian tempatan yang melihat kepada faktor kepulihan dalam kalangan penagih. Oleh hal yang demikian, kajian ini memberikan satu alternatif jawapan dengan melihat peranan Modul ISRA, kefungsiian sosial dan prinsip pembangunan komuniti dalam membantu kepulihan bekas klien dalam komuniti.

Jika ditinjau mengenai program pemulihan dan rawatan di Malaysia, ia telah dilaksanakan sejak tahun 1975 untuk membantu memulihkan penagih supaya bebas daripada belunggu dadah (Fauziah, 2008). Pelbagai bentuk program telah dilaksanakan. Kajian-kajian luar negara juga melaporkan kadar kejayaan merawat serta memulihkan penagih dadah *psikoaktif* adalah amat rendah (Hall, Wasserman & Havasay, 1991; Fauziah, 2008) sehingga dilihat kurang berkesan dalam memberi kesedaran kepada penagih (Mokhtar, 1997; Wellish & Pronger, 1995; Mahmood, et. Al. 1999). Memandangkan proses pengekalan kepulihan amat penting, maka model psikospiritual dibangunkan untuk melihat sejauh mana amalan berasaskan spiritual dapat mengurangkan masalah relaps sebagai benteng bagi OKP. Galanter et al. (2006), menyatakan program pemulihan dadah berbentuk agama atau spiritual hakikatnya membantu dalam membentuk ciri-ciri personal penagih yang lebih mantap. Malah program spiritual dan agama juga dikenal pasti membantu memberi kekuatan kepada

penagih untuk mengubah tingkah laku meninggalkan dadah (Mohd Hefzan & Muhammad Nubli, 2019).

Pelaksanaan projek rintis pemulihan melalui program Inabah di bawah Modul ISRA di CCRC Sungai Ruan yang bermula pada Mac 2015 telah menunjukkan program rawatan menggunakan pendekatan kerohanian mampu memulihkan masalah ketagihan dadah dan mengekalkan tahap kepulihan klien dengan melihat kepada perubahan sifat serta sikap klien (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017). Matlamat utama pendekatan Modul ISRA adalah untuk mengubah masalah ketidakstabilan jiwa dan diri seseorang yang merupakan akar kepada masalah. Namun begitu, perubahan sifat dan sikap tersebut hanya diperhatikan semasa klien berada di pusat pemulihan. Maka, timbul persoalan tentang adakah Modul ISRA berkesan untuk mengekalkan kepulihan mereka ketika di luar pusat?

Kajian lepas juga banyak memberikan dapatan mengenai faktor-faktor persekitaran yang menyebabkan bekas klien relaps (Fauziah, 2008; Fauziah, et. al, 2017; Rozmi, et. al, 2017; Mohd Alif, et. al, 2018; Amran, Fuziah, & Saralah, 2020). Faktor-faktor ini kebanyakannya bersifat luaran dan melibatkan kefungsiian sosial. Kajian ini juga akan menyingkap tentang cara-cara kefungsiian sosial boleh menyokong dan membantu kepulihan bekas klien dalam komuniti. Kefungsiian sosial yang membawa kepada kepulihan ini penting untuk dikenal pasti supaya dapat membantu bekas klien untuk kekal pulih dan terhindar daripada berlakunya relaps.

Kefungsiian sosial ini juga melibatkan prinsip pembangunan komuniti (Asnarulkhadi, 2003; Harris & Abd Hadi, 2012). Hal ini demikian kerana, prinsip pembangunan komuniti yang menekankan kepada kerjasama dan penyertaan semua pihak dilihat sebagai elemen yang menyokong kepada kepulihan bekas klien. Memandangkan bekas klien berada dalam komuniti, justeru, prinsip pembangunan komuniti dilihat penting dalam menyumbang kepada pemulihan bekas klien. Oleh itu, timbul persoalan, sejauh manakah prinsip dalam pembangunan komuniti ini menyokong kepada kepulihan bekas klien?

Sehingga kini, tiada kajian empirikal dilaksanakan bagi melihat kelangsungan sifat dan sikap dalam kalangan bekas klien yang telah keluar dari pusat dan mampu menjalani kehidupan sehari-hari mereka bersama komuniti. Oleh itu, timbul persoalan sejauh manakah penghayatan dan amalan kerohanian yang telah mereka pelajari dan amalkan dalam pusat telah membantu mereka untuk pulih semasa dalam komuniti serta sejauh mana persekitaran bekas klien berfungsi dalam menyokong mereka untuk kekal pulih? Berdasarkan perbincangan permasalahan yang timbul, kajian ini akan cuba menjawab persoalan berikut:



1. Apakah pandangan bekas klien dalam komuniti terhadap keberkesanan Modul ISRA dalam program rawatan dan pemulihan?;
2. Sejauh manakah peranan kefungsiian sosial terhadap kepulihan bekas klien ISRA dalam komuniti?; dan
3. Apakah peranan prinsip pembangunan komuniti terhadap kepulihan bekas klien ISRA dalam komuniti?

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif Umum:

Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan peranan Modul ISRA, kefungsiian sosial dan prinsip pembangunan komuniti terhadap kepulihan bekas klien dalam komuniti.

Objektif Khusus:

1. Untuk meneliti pandangan bekas klien dalam komuniti terhadap keberkesanan Modul ISRA dalam program rawatan dan pemulihan;
2. Untuk mengenal pasti peranan kefungsiian sosial terhadap kepulihan bekas klien ISRA dalam komuniti; dan
3. Untuk menerangkan peranan prinsip pembangunan komuniti terhadap kepulihan bekas klien ISRA dalam komuniti.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian berkait dengan sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian (Othman, 2007) dan kepentingan kajian juga membincangkan sumbangan kajian kepada teori, polisi, amalan, isu-isu sosial dan tindakan (Marshall & Rossman, 1999). Atas dasar inilah kajian ini bertujuan mengupas peranan Modul ISRA, kefungsiian sosial dan prinsip pembangunan komuniti terhadap kepulihan bekas klien dalam komuniti. Kebanyakan kajian lepas memberi fokus kepada klien yang masih berada di dalam pusat. Tidak banyak kajian yang mengkaji perubahan amalan dan diri klien semasa dalam komuniti. Kebanyakan kajian lepas juga banyak melihat kepada faktor-faktor yang menyebabkan bekas klien relaps. Namun kajian ini memberi fokus kepada persekitaran bekas klien yang berfungsi dalam membantu bekas klien untuk terus kekal pulih.

Begitu juga mengenai penilaian terhadap sesuatu program pemulihan, apabila banyak kajian lepas memberi fokus kepada klien yang masih di dalam pusat. Namun kajian ini mendapatkan pandangan bekas klien yang sudah berada

dalam komuniti bagi melihat kelangsungan sifat dan sikap bekas klien yang telah keluar dari pusat dan menjalani kehidupan sehari-hari mereka dalam komuniti. Hasil dapatan kajian ini juga dapat menyumbang kepada penambahbaikan kurikulum atau pengisian program pusat. Memandangkan Modul ISRA ini baru 5 tahun dilaksanakan, justeru, dapatan kajian ini sesuai untuk dijadikan asas penilaian mengenai modul ini. Secara tidak langsung dapat mengetahui sejauh mana keberkesanan modul program yang berteraskan kerohanian dapat membantu kepulihan klien. Kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pihak kerajaan mahupun organisasi yang terlibat seperti AADK dalam merencanakan program-program di pusat pemulihan dadah bagi membaiki kelemahan yang ada dan memperkukuh modul pemulihan yang sedia ada. Hal ini demikian kerana, modul pemulihan yang diguna pakai perlulah mendapat maklum balas daripada klien itu sendiri sebagai panduan untuk memantapkan kualiti modul ataupun program yang dilaksanakan. Rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah merupakan suatu usaha yang bukanlah mudah hendak dilakukan dan ia tidak selalu menemui kejayaan yang diinginkan (Fauziah, 2008). Antara sebab utama kesukaran memulihkan penagihan terhadap dadah ialah ciri penyakit itu sendiri. Penagihan bahan psikoaktif telah lama diiktiraf sebagai penyakit berulang yang bersifat progresif. Lanya ditakrif sebagai progresif kerana penagihan bahan akan terus menerus menjadi serius dengan berlakunya peningkatan toleransi terhadap bahan yang digunakan (Mahmood, et. Al, 1999).

Usaha pemulihan penagihan dadah juga merupakan cabaran kepada para saintis khususnya ahli-ahli psikologi, kaunselor dadah dan pekerja sosial masa kini. Pelbagai pendekatan telah dicuba seperti pemberian dadah gantian (Kirby & Lamb, 1995), rawatan homeopati, pemulihan kerohanian dan penyucian spiritual (Mahmood, Shuib & Ismail, 1998), pemulihan psikososial (Callaghan, Benton & Bradley, 1995), latihan ala ketenteraan (Mahmood, et. Al., 1999), modifikasi tingkah laku (Monti & Rohsenow, 1997), psikoterapi (Curran, Helene & Stephen, 2000) dan pelbagai yang lain. Namun demikian, masih tiada satupun rawatan yang memberi jaminan pemulihan yang mutlak. Oleh yang demikian, kajian ini memberi satu sisi pandang yang berbeza iaitu dengan cuba mendalami dan memahami kefungsi sosial bagi menyokong kepulihan dalam komuniti. Kajian berbentuk sosiologi ini penting dalam memahami keadaan persekitaran yang lebih banyak mempengaruhi proses kepulihan.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat menyumbangkan kepada disiplin atau '*fild of study*' dalam bidang pembangunan komuniti. Misalnya konsep yang berkaitan dengan penglibatan masyarakat untuk membantu menjayakan sesuatu program dengan lebih berkesan (Paul, 1987; Boyle, 1981; Bichmann, Rifkin & Sherestha, 1989) prinsip pembentukan jaya diri (*self-help*) dalam kalangan bekas klien untuk berubah bagi kemajuan diri serta sokongan dan galakan kerajaan (Asnarulkhadi, 2003; Asnarulkhadi & Mohd Roslan, 2018) yang terkandung dalam prinsip-prinsip pembangunan komuniti dapat untuk membantu menyokong kepulihan bekas klien.

## 1.5 Definisi Konsep

### Modul ISRA

Konseptual: Terdapat tiga (3) asas utama dalam Modul ISRA yang dijadikan sebagai input kepada program dan aktiviti rawatan serta pemulihan dadah iaitu i) taubat (kembali kepada Allah), ii) benteng keimanan dan iii) perisai ketakwaan (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017).

Operasional: Dalam kajian ini, Modul ISRA memberi penekanan terhadap modul psikospiritual iaitu modul teras yang meliputi 8 komponen utama iaitu, Talqin, Terapi Mandi, Terapi Solat, Terapi Zikir Kalimah Toyyibah, Khotaman, Manaqiban, Tadarus Al-Quran dan Terapi Puasa.

### Kefungsian Sosial

